

08/01/1999

Pekerja bank mahu cuti Sabtu awal bulan

KAKITANGAN sektor perbankan yang turut menikmati cuti pada Sabtu pertama setiap bulan mahu ia dikekalkan pada hari yang sama dengan cuti bagi kakitangan perkhidmatan awam.

Ini bagi membolehkan sejumlah besar kakitangan bank dan syarikat kewangan yang mempunyai pasangan suami atau isteri yang berkhidmat dalam sektor awam merancang kegiatan bersama keluarga bagi hujung minggu yang lebih panjang itu.

"Inilah tujuan institusi perbankan menyamakan cuti sekali sebulan itu dengan tarikh yang ditetapkan untuk kakitangan kerajaan iaitu Sabtu pertama setiap bulan.

"Jika hanya suami atau isteri bercuti sedangkan seorang lagi bekerja, sukarlah untuk keluarga itu merancang kegiatan bersama yang menjadi matlamat asal kerajaan mengumumkan cuti pada hari Sabtu," kata seorang pegawai kanan sebuah bank yang dihubungi semalam.

Cuti pada hari Sabtu pertama setiap bulan bagi tahun 1999 sudahpun dinikmati buat kali pertama oleh kakitangan perkhidmatan awam termasuk kakitangan pos dan institusi perbankan pada 2 Januari lalu.

Bagi negeri yang cuti mingguannya jatuh pada Jumaat, bank perdagangan akan ditutup pada Khamis pertama mulai 7 Januari 1999. Jika Sabtu/Khamis pertama bulan itu jatuh pada cuti umum, Sabtu/Khamis selanjutnya akan diisytiharkan sebagai cuti bank.

Pelaksanaan cuti sehari dalam sebulan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapan Belanjawan Negara 1999, Oktober lalu.

(END)